



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 23 FEBRUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MADANI WHITE RICE INITIATIVE TO BE FINE-TUNED AT NACCOL MEET, NATION, THE STAR -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KRISIS BERAS DAN JAMINAN MAKANAN, CETUSAN, SH -17	
3.	BERAS IMPORT TIGA KALI MAHAL, DALAM NEGERI, UM -6	
4.	AMBIL KIRA PANDANGAN SEMUA PEMAIN INDUSTRI, DALAM NEGERI, UM -6	
5.	DASAR GRED TUNGGAL KUKUHKAN KARTEL?, DALAM NEGERI, UM -6	
6.	RIVER POLLUTION TRACED TO POND IN DUCK FARM, EVENTS, THE STAR -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	LKIM HENTI SUBSIDI BUAT 1,000 NELAYAN, NEGARA, KOSMO -13	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8.	LEBIH 1,000 NELAYAN DISEKAT TERIMA SUBSIDI PETROL, DIESEL-LKIM, DALAM NEGERI, UM -32	
9.	LPNM SASAR 700,000 TAN NANAS 2024, NIAGA, KOSMO -38	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
10.	KADA SEDIA RM6 JUTA ATASI MASALAH BEKALAN AIR SAWAH, NEGARA, KOSMO -18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
11.	AJAK SURI RUMAH TANAM CILI KEGUNAAN SENDIRI, DALAM NEGERI, UM -35	LAIN-LAIN
12.	CUACA PANAS BERLARUTAN HINGGA RAMADAN DEPAN, NASIONAL, BH -16	
13.	PETANI RESAH CUACA PANAS JEJAS TANAMAN, TERNAKAN, DALAM NEGERI, UM -33	
14.	UDANG 'MABUK' SETIAP KALI PERAYAAN, DALAM NEGERI, UM -34	
15.	'TIADA BULUH, DAWAI PUN BERGUNA', NEGERI PERAK, SH -25	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Madani white rice initiative to be fine-tuned at Naccol meet

By ZAKIAH KOVA

zakiah@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Malaysia Madani white rice will be the staple agenda for the National Action Council for Cost of Living (Naccol) meeting today as authorities and stakeholders huddle to make the initiative palatable to the masses.

The Naccol meeting, to be chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, is expected to discuss a proper pricing mechanism for the new category of white rice, how the initiative will be implemented and if there has to be any amendments to the Control of Padi Rice Act 1994 (Act 522) to ensure that its implementation are all above board.

This is because local white rice is a government price-controlled food item.

The Malaysia Madani white rice initiative came under fire from stakeholders and the public last week after Naccol task force (food cluster) chairman Datuk Syed Abu Hussain Hafiz Syed Abdul Faisal said that all white rice will be under one category of

Malaysia Madani white rice, doing away with the imported white rice category from March 1 onwards.

Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali confirmed that he had prepared the paper on the Malaysia Madani white rice before being presented to KPKM Minister Datuk Seri Mohamad Sabu for final approval.

"The ministry will then present it at the Naccol meeting today once we have briefed the minister and received ministerial approval.

"As of now, I cannot divulge any details but that we have engaged the necessary stakeholders and relevant parties during the preparation of the paper," said Lokman when contacted yesterday.

A source from the Naccol secretariat also said the Malaysia Madani white rice matter is the only agenda to be discussed at the meeting.

"With no doubt, this is a big and important issue affecting all levels of society and we have to sort it out before the Naccol decision is taken to the Cabinet as changing

rice prices needs Cabinet approval and needs to be presented to the Parliament," said the source.

Meanwhile, Syed Abu Hussain said that he will attend the meeting but will not be making any presentation at the meeting, despite it being his "baby".

"Yes, I will be attending as the task force (food cluster) chairman but I will not be presenting anything. I will have more to say after the meeting," said the Bukit Gantang MP when contacted.

He said that after the backlash from certain quarters on the announcement of Malaysia Madani white rice on Feb 14, he was informed that only the KPKM minister and secretary-general can speak publicly on the issue.

He refused to say if he had a gag order from anyone on the matter.

Wholesaler and retail chain Mydin Mohamed Holdings Berhad managing director Datuk Ameer Ali Mydin, who is also the Special Taskforce to Facilitate Business (Permudah) co-chair, said that he will be sitting in the meeting to represent stakeholders.

"I do not want to say much but

yes, I will be at the Naccol meeting. Yes, I was engaged by the KPKM in getting my input for the Malaysia Madani white rice," said Ameer Ali.

Prior to this, Ameer Ali was one of the first to voice out concerns of wholesalers and retailers on the white rice initiative, stating that the whole idea had not been thought out properly before its announcement to the masses.

Ameer Ali also questioned the composition of the 10kg sack of white rice to be sold at RM30 as local white rice is scarce in the market.

This then led to authorities stating that the Malaysia Madani white rice initiative has not received Cabinet approval and it would be illegal to mix local and imported white rice and sell at one price.

Malaysia Food Sovereignty Forum head coordinator Nurfitri Amir Muhammad, who represents padi farmers, said that the solution to the lack of local white rice in the market is to increase its price to benefit padi farmers.

"The Malaysia Madani white

rice should be local rice with its price raised. It has been 18 years since the last raise for local white rice; it is illogical to retain the price. Consumers need to understand the need for the price rise, as without it, the industry will suffer.

"That being said, this initiative of Malaysia Madani white rice by selling only one category seems to be an attempt to ease the job of enforcers. However, selling the Madani white rice – be it local, imported or a mix of both – is illegal and considered tricky under the laws.

"Instead, the enforcers should be on the ground to check on the local white rice being sold. Do not victimise the consumers by not giving them a choice.

"For the farmers, there should be an increase in padi prices when white rice prices are increased.

"However, the padi prices are still retained at the old price of RM1,700 per tonne despite the initiative to increase the Malaysia Madani white rice price of RM30 per 10 kg from the controlled price of RM26," said Nurfitri.

23/2/2024

SINAR
HARIAN

CETUSAN

17

Krisis beras dan jaminan makanan



DESAS
DESUS

ELVIZA MICHELE KAMAL

Setiap hari, lebih empat bilion penduduk dunia akan duduk di meja untuk menikmati hidangan beras. Lebih 165 juta hektar – seluas Iran dikhususkan untuk tanaman padi.

Kini dunia berdiri di ambang ke-merosotan bekalan beras. Didorong iklim kronik – El Nino, kemarau, banjir berpangangan dan perang Ukraine-Rusia yang telah menjejaskan perantaraan Rusia sebagai pembekal baja utama dunia, penghasilan beras berkurangan, lantas menghantar kita ke dalam domain permintaan melebihi pengeluaran.

Keadaan itu menjadikan harga beras dunia melonjak pada tahap tertinggi sepanjang 15 tahun dan negara pengeluar mula mengehadkan kadar import masing-masing. India misalnya, pada Julai 2023 mengumumkan bakal meng-

hentikan eksport beras putih bukan-basmati demi menurunkan harga dan menjamin bekalan beras dalam negara.

Malaysia yang sudah berada dalam situasi tidak cukup beras – kita hanya mampu menampung 62 hingga 70 peratus permintaan, selebihnya diimport dari India, Pakistan, Thailand, Vietnam dan Kemboja – mulailah menari seperti mural tercabut ekor.

Awal-awal tidak mahu ambil tahu, bila tiba masalah mula mencari salah orang lain – bekalan beras disembunyikan, kartel memanipulasi harga atau *paric-buying* pengguna. Itu semua bukan tidak penting tetapi tugas kerajaan dalam soal bekalan beras dan jaminan makanan berada di bawah payung lebih besar serta memerlukan pendekatan holistik.

Saya beri contoh, pada sidang kemuncak ASEAN tahun lalu, Filipina telah mengambil langkah proaktif apabila menandatangani perjanjian dengan Vietnam untuk import beras selama lima tahun. Tindakan itu akan menstabilkan harga beras Filipina dan meningkatkan tahap jaminan makanan 110 juta rakyat mereka.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut menghadiri sidang kemuncak sama tetapi apa hasilnya? Menteri perlu menghayati semangat di

bawah: Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021–2025. Hanya melalui penghayatan semangat, Malaysia mampu berfikir untuk mencari perjanjian dua hala dan perdagangan bebas dengan negara pengeluar beras sebagai langkah drastik tetapi efektif dalam menjamin bekalan beras negara.

Apabila India mengehadkan eksport beras, permintaan beras dunia dari Vietnam dan Thailand serta-merta meningkat, apa yang kita lakukan dari tahun lalu hingga kini? Perjanjian dagangan dengan negara pembekal makanan selain beras juga akan mengukuhkan rantaian nilai makanan dan tahap siap-siaga negara menghadapi krisis jaminan makanan global.

Dalam mencari penyelesaian jangka panjang masalah beras, *supply-side deficit* dan mengurangkan kebergantungan import, kerajaan perlu merombak dasar pertanian negara. Malaysia mempunyai lapan juta hektar tanah pertanian.

Berdasarkan polisi ekonomi lapuk, enam juta hektar ditanam dengan kelapa sawit, sementara 1.2 juta hektar getah. Hanya 600,000 hektar tinggal untuk se-maian sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

Harfiahnya, hanya lapan peratus ta-

nah pertanian digunakan bagi menghasilkan agro-makanan. Dasar itu perlu dirombak segera, diganti dengan pengkhususan menghasilkan agro-makanan. Sejak 2019, media sudah melaporkan Sabah mempunyai 4,000 hektar tanah sawah terbiar.

Masalah pesawah bukan hanya tanah tetapi termasuk perkara lebih fundamental seperti kurang bekalan air bersih dan benih berkualiti rendah. Setakat hari ini, belum nampak keberkesanan RM30 bilion peruntukan untuk infrastruktur pesawah yang diumumkan Perdana Menteri pada 2023.

Akhir sekali, rentaslah laman internet Putrajaya. Rakyat sudah mula menanam padi dalam pasu, tong cat dan di kawalan rumah. Berikan mereka imbuhan dan galakan, cara paling mudah menjamin keselamatan makanan keluarga.

Kata kunci lain untuk rujukan 'Menteri Jaminan Makanan' – *artificial intelligence, precision farming* dan apa yang dibuat oleh negara contoh, Denmark. Pesanan untuk kerajaan semasa pula – pertanian dan agro-makanan tidak mungkin menjadi sektor *sunset*. Fikirlah sendiri.

* Elviza pernah menulis untuk dua Perdana Menteri, sekarang tinggal di Shah Alam bersama anakanda Luqman

28/2/2024

UTUSAN MALAYSIA

DALAM NEGERI

6

Tetapkan harga beras gred tunggal RM35 sekampit

Beras import tiga kali mahal

OHK MOHD HAFIZ AIDU MUTALIB
hazimutalib@utusanmedia.com.my

ABAU: Kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan di negeri ini, terutama di kawasan pedalaman, telah mendorong pengguna terpaksa membeli beras import pada harga tiga kali ganda lebih tinggi menjadi faktor keperluan penetapan gred.

Harga beras import ketika ini bagi berat 10 kilogram (kg) adalah sekitar RM40 hingga RM42, iaitu perbezaan antara RM14 sehingga RM15 berbanding beras tempatan.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pengarah Dibuk Sdn, Bhd., Ezreen Muhazir Marzuki berkata, perbezaan harga beras tempatan dengan import menjadi lebih ketara apabila pengguna menyekut eksport tahun beras.

Menurutnya, keadaan bertambah buruk apabila beras tempatan terus diangkut keluar negara dalam jumlah yang signifikan akibat industri dan petani.

Beliau berkata, perbezaan harga beras tempatan dengan import sebelum ini membuat pengguna terpaksa membayar RM5 ke RM6, iaitu tiga kali harga tempatan RM265, beras import RM32.

Jelasnya, itu adalah jalur perbezaan harga yang 'harmonik' dengan harga tempatan yang pernah berlaku dalam industri pada masa lalu.

"Ia juga adalah jalur harga yang tidak menggalakan pengguna gred beras oleh pemborong yang mampu seperti berlaku



BERAS import memenuhi pendera raya dan kedai berbanding beras tempatan yang terbeli sukar ditemui di sekitar Abau, Perak. Semalam, UTUSAN/IZAN OT/RIHANA

kan harga beras tempatan atau masa itu, nilai tersebut tidak sepadan dengan risiko dari kos pengaliran dan pengangkutan. Keseluruhan perbezaan itu RM60 ke RM12 bagi berat 10kg," katanya.

Somalam, akhbar ini melaporkan, rakyat tidak pilihan apabila terpaksa membeli beras tempatan yang lebih mahal berikutan sukar menemui beras putih tempatan (SST) diawal termasuk di pasaran Lembah Klang.

Menyebut, perkara itu, mengemudi sektor tersebut termasuk merancang polisi, penanganan serta program terapi apabila lembaga tersebut menentang pengguna tempatan.

"Skop dan tugas sekiranya mahu wujudkan seperti LPN kembali perlu ditulis dengan bekalan beras putih mematuhi struktur masalah," katanya.

Dalam pada itu, Pengurus Persatuan Pengilang-Pengilang Beras Melayu Malaysia, Mohamad Terzati Yop berkata, industri beras tempatan tidak akan membebaskan pengguna walaupun ada kenaikan.

Ambil kira pandangan semua pemain industri

PETALING JAYA: Kemajuan perlu mencari penyelesaian harmoni bersama pemain industri bagi memastikan usaha mengembang, karter dapat dipertingkatkan beras tunggal, iaitu beras putih Malaysia Madani.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Ekco Pertanian Persidaraan Nasional, Abdul Rashid Yeb berkata, hasrat menyekat karter tidak berhasil sekiranya padangan semua pihak dan pemain industri tidak diambil kira.

Apabila meng, dicampur, gas, tapi isu karter tidak dapat diselesaikan secara menyeluruh sekiranya pandangan daripada semua pemain industri seperti pesawah, pemborong, pengguna, dan pengilang diambil kira," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu cadangan mewujudkan beras putih Malaysia Madani bertujuan membantu petani meningkatkan hasil dan karter yang tidak menentu. Beliau berkata, karter yang menentu itu penting untuk meningkatkan keyakinan pengguna.

Dalam pada itu, terjamin Utsa (SST) diawal termasuk di pasaran Lembah Klang. Menyebut, perkara itu, mengemudi sektor tersebut termasuk merancang polisi, penanganan serta program terapi apabila lembaga tersebut menentang pengguna tempatan.

"Skop dan tugas sekiranya mahu wujudkan seperti LPN kembali perlu ditulis dengan bekalan beras putih mematuhi struktur masalah," katanya.

Dalam pada itu, Pengurus Persatuan Pengilang-Pengilang Beras Melayu Malaysia, Mohamad Terzati Yop berkata, industri beras tempatan tidak akan membebaskan pengguna walaupun ada kenaikan.

Dasar gred tunggal kukuhkan karter?

OHK ARIF AIMAN ASROL
arifaiman@utusanmedia.com.my

PETALING JAYA: Penghasilan beras tempatan yang stabil akan dapat mengukuhkan kedudukan karter daripada menipulasi eksistensi pembekalan dan pengedaran makanan rui di Malaysia.

Malay, Fellow Perunding dan Pemegang Kursi Kesterjamaan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekutu Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Fatimah Mohd. berkata, dasar gred tunggal beras hanya akan mengukuhkan 'kuasa' karter.

Menurutnya, pengenalan beras tempatan pada 1996 bagi akan meletakkan industri beras dalam keadaan bahaya dan menjejaskan pesawah kerana tidak berdaya.

"Sekarang engkaman karter dilihat terlalu kuat sehingga akan kerajaan tidak boleh buat apa-apa, maka usaha pengaliran beras tempatan akan dipertingkatkan," katanya.

Beliau mengulas cadangan Menteri Pertanian dan Perikanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Ambil kira pandangan semua pemain industri

PETALING JAYA: Kemajuan perlu mencari penyelesaian harmoni bersama pemain industri bagi memastikan usaha mengembang, karter dapat dipertingkatkan beras tunggal, iaitu beras putih Malaysia Madani.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Ekco Pertanian Persidaraan Nasional, Abdul Rashid Yeb berkata, hasrat menyekat karter tidak berhasil sekiranya padangan semua pihak dan pemain industri tidak diambil kira.

Apabila meng, dicampur, gas, tapi isu karter tidak dapat diselesaikan secara menyeluruh sekiranya pandangan daripada semua pemain industri seperti pesawah, pemborong, pengguna, dan pengilang diambil kira," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu cadangan mewujudkan beras putih Malaysia Madani bertujuan membantu petani meningkatkan hasil dan karter yang tidak menentu. Beliau berkata, karter yang menentu itu penting untuk meningkatkan keyakinan pengguna.

Dalam pada itu, terjamin Utsa (SST) diawal termasuk di pasaran Lembah Klang. Menyebut, perkara itu, mengemudi sektor tersebut termasuk merancang polisi, penanganan serta program terapi apabila lembaga tersebut menentang pengguna tempatan.

"Skop dan tugas sekiranya mahu wujudkan seperti LPN kembali perlu ditulis dengan bekalan beras putih mematuhi struktur masalah," katanya.

Dalam pada itu, Pengurus Persatuan Pengilang-Pengilang Beras Melayu Malaysia, Mohamad Terzati Yop berkata, industri beras tempatan tidak akan membebaskan pengguna walaupun ada kenaikan.

PENANG

River pollution traced to pond in duck farm

Probe into source of discharge in Sungai Lembu proves viral claims wrong

By IMRAN HILMI
imran@thestar.com.my

A PIG farm in Seberang Prai was unfairly blamed for polluting two rivers when checks showed that the discharge came from a pond in a nearby duck farm, says a Penang exco member.

Agrotechnology committee chairman Fahmi Zaimol said investigation by agencies found that the discharge flowed from the duck farm into Sungai Alor Merah and subsequently to Sungai Kulim.

"The news which went viral recently saying the pollution was caused by the pig farm was not accurate," he said after an inspection of the two farms at Sungai Lembu in Bukit Mertajam.

He said the pig farm, which was operating without a licence, had complied with regulations, discharging waste only into its designated treatment pond.

Fahmi assured Penangites that the pollution did not affect the Bukit Toh Allang water treatment plant in Sungai Kulim. The plant supplies water to Penang and is 7km from where Sungai Alor Merah and Sungai Kulim merge.

He said the duck farm had been operating for 15 years and was unlicensed as the licensing process for poultry farms in Penang under the Poultry Farming Enactment began only on Jan 1 this year.

On action to be taken against the duck farm operator, state Veterinary Services Department (DVS) director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said for now, the operator could only be fined by Seberang Prai City Council (MBSP).

"However, once licences are issued to poultry farms in the state, we can take stern action if they do not comply with stipulated regulations," she said.

She added the department would visit the farm from time to time to advise them.

As for the pig farm, the operator has until the end of March to comply with the requirements for a licence to operate.



Fahmi (left) and officials from various agencies and MBSP checking a drain in Jalan Sungai Lembu, Bukit Mertajam in Penang, during the investigation into the cause of river pollution. — CHAN BOON KAI/The Star

LKIM henti subsidi buat 1,000 nelayan

KUALA PERLIS – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menghentikan subsidi bahan bakar kepada 1,000 nelayan selepas didapati tidak lagi aktif turun ke laut untuk menangkap ikan.

Pengerusinya, Muhammad Falz Fadzil berkata, tindakan itu dilakukan, memperusi program pemutihan yang dilakukan secara berterusan oleh pihaknya.

Katanya, antara syarat nelayan yang mahukan bantuan bahan bakar berterusan ialah perlu turun ke laut selama 120 hari setahun.

"Jika ada yang jadi nelayan secara sambilan, tidak aktif dan uzur, maka insentif itu akan dihentikan.

"Kita sentiasa mengemas kini status nelayan dari pemuti-

han dilakukan pada setiap bulan. Jumlah nelayan tidak aktif juga sentiasa berubah-ubah," katanya ketika ditemui di Pusat Transformasi Nelayan Pertubuhan Nelayan Kebangsaan Perlis Selatan di Kuala Sungai Baru, dekat sini semalam.

Terdahulu, Muhammad Falz menyampaikan Bantuan Awal Perskolahan kepada 100 anak nelayan dengan kerjasama Petronas dan Yayasan Anak Nelayan Malaysia.

Menurut Muhammad Falz, walaupun subsidi ditarik, LKIM sentiasa menyokong golongan itu menerusi bantuan sara hidup dan lain-lain insentif demi kebaikan mereka.

Setakat ini, LKIM memberi subsidi kepada 36,000 daripada keseluruhan 86,000 nelayan berdaftar di negara ini.



LKIM akan menghentikan pemberian subsidi bahan bakar kepada nelayan sambilan, uzur dan yang tidak aktif turun ke laut untuk menangkap ikan. — GAMBAR HIASAN

28/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Lebih 1,000 nelayan disekat terima subsidi petrol, diesel - LKIM

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamula.com.my

KANGAR: Lebih 1,000 nelayan dihentikan pemberian subsidi petrol dan diesel susulan kegagalan mereka mematuhi syarat-syarat ditetapkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Jumlah nelayan yang dihentikan pemberian subsidi sentiasa berubah-ubah kerana LKIM melakukan proses pemutihan pada setiap bulan.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, antara syarat utama perlu dipatuhi oleh nelayan bagi melayakkan mereka menerima bantuan subsidi adalah dengan turun ke laut selama 120 hari dalam tempoh setahun dan aktif menjalankan kerja-kerja tangkapan ikan.

"Ini antara syarat yang selalu diperincikan dan dinilai oleh LKIM dalam pemberian subsidi bagi melayakkan mereka menerima bantuan berkenaan," katanya ketika ditemui selepas Program Anak Nelayan Kembali Ke Sekolah di Pusat Transformasi Nelayan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Perlis Selatan, Kuala Sungai Baru, di sini semalam.



PENERIMA bantuan bergambar bersama Muhammad Faiz Fadzil selepas Program Anak Nelayan Kembali Ke Sekolah di Pusat Transformasi Nelayan Persatuan Nelayan Kawasan Perlis Selatan, Kuala Sungai Baru, Kangar semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

Berdasarkan rekod LKIM, terdapat 86,000 nelayan berdaftar di negara ini di mana 36,000 merupakan penerima subsidi diesel dan petrol yang layak. Dalam pada itu, Muhammad

Faiz berkata, LKIM sememangnya tidak berkompromi dengan mana-mana nelayan yang gagal mematuhi syarat bagi membolehkan bantuan berkenaan dibertarikan kepada mereka

lebih layak khususnya golongan muda yang baharu menceburi diri dalam bidang tersebut. "Jika dilihat, 30 peratus daripada jumlah 86,000 nelayan di negara ini juga adalah meru-


pakan golongan muda. Proses pemutihan ini memang selalu dilaksanakan melalui persatuan-persatuan nelayan bagi membolehkan penilaian dibuat sebaiknya oleh LKIM," katanya.

Mengulas program berkenaan, Muhammad Faiz berkata, seramai 100 anak nelayan menerima bantuan persekolahan di mana setiap seorang membawa pulang kupon tunai bernilai RM100, beg sekolah, topi, botol air, buku nota dan alat tulis.

Katanya, program anjuran LKIM dengan kerjasama Petronas Dagang Berhad dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) itu juga adalah bertujuan bagi membantu mengurangkan kos nelayan sebagai persediaan untuk pembukaan sekolah tidak lama lagi.

"Ini merupakan sumbangan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di mana kita agihkan pemberian buat lima buah negeri iaitu Perlis, Melaka, Pahang, Sabah dan Sarawak.

"LKIM sentiasa memastikan nasib dan masa depan nelayan bersama keluarga mereka terbelas untuk merasai kehidupan lebih selesa pada masa hadapan," katanya.



NILAI ekonomi bagi sepokok nenas bakal ditingkatkan kepada RM50 tahun ini. – GAMBAR HIASAN

LPNM sasar 700,000 tan nanas 2024

PETALING JAYA – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyasarkan pengeluaran 700,000 tan nanas tahun ini berbanding 583,543 tan yang dihasilkan pada 2022.

Ia antara empat sasaran yang digariskan LPNM untuk 2024, selain penambahan keluasan tanaman nenas sebanyak 3,000 hektar lagi kepada 20,000 hektar; melonjatkan nilai ekonomi pokok nenas kepada paras RM50/pokok dan meningkatkan eksport nenas kepada 1,000 kontena.

Dari segi pengeluaran, Pengerusi LPNM, Sheikh Umar Bagharib Ali menekankan aspek

pengadaptasian teknologi dan automasi terkini ke arah penanaman nenas berkepadatan tinggi.

"Pada masa yang sama, kami masuk ke Sarawak ke Semenanjung awal Mac ini bakal menjadi 'game changer' kerana kemampuannya dituai pada jangka masa lebih singkat iaitu dalam tempoh sembilan bulan," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, antara fokus perluasan tanaman nenas adalah pengembangan ke Malaysia Timur yang masih memiliki potensi tinggi dari aspek guna tanah bagi tujuan pertanian.

Dalam usaha meningkatkan

purata nilai ekonomi bagi sepokok nenas daripada kadar RM20 hingga RM30 ketika ini, Sheikh Umar menjelaskan, LPNM akan memberi perhatian serius terhadap agenda 'Sekali Tanam Tiga Kali Tuai' yang melibatkan buah, sulur dan juga sisa.

"Sekarang, kita hanya mampu mengeksport sejumlah 800 kontena ke China, Korea, Jepun, Jerman dan Asia Barat.

"Peningkatan sebanyak 200 kontena adalah bagi menyahut seruan Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang menetapkan eksport nenas negara sehingga 1,000 Kontena tahun ini," ujarnya.

Kada sedia RM6 juta atasi masalah bekalan air sawah

KOTA BHARU – Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) menyediakan peruntukan sebanyak RM6 juta sebagai persediaan awal untuk berdepan masalah kekurangan bekalan air di kawasan sawah padi semasa fenomena El Nino.

Pengurus Besar Kada, Mohd. Faizul Mustafa berkata, perbelanjaan itu melibatkan pelbagai kaedah dan langkah bagi memastikan seluruh kawasan padi di bawah seliaan agensi tersebut tidak terjejas.

Menurutnya, kaedah yang dilakukan Kada antaranya menyediakan pam 'backward', telaga tiub, pam kitar semula, pam mudah alih termasuk beberapa keperluan lain seperti pembelian bahan api diesel dan petrol.

"Pam 'backward' dianggar-kan menelan belanja sebanyak

RM400,000 termasuk peruntukan tambahan, telaga tiub (RM500,000), kos diesel dan petrol dalam tempoh setahun (RM1.8 juta).

"Bagi pam kitar semula, kita ada banyak lokasi dengan kos yang berbeza.

"Selain itu, Kada juga menerima peruntukan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sebanyak RM600,000 untuk pam mudah alih selain membaiki pam yang sedia ada," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Pam Backward di Pejabat Kada Jajahan Kota Bharu Selatan, Melor di sini semalam.

Pada majlis tersebut, Kada turut mengagihkan sebanyak 25 unit pam 'backward' kepada petani-petani yang terlibat di kawasan Kota Bharu Selatan.



MOHD. FAIZUL (duduk, tiga dari kanan) bersama sebahagian petani yang menerima bantuan pam 'backward' di Pejabat Kada Jajahan Kota Bharu Selatan, Melor di Kota Bharu semalam.

23/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

35

Ajak suri rumah tanam cili kegunaan sendiri

Oleh **MEGAT LUTFI**
MEGAT RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

TANJUNG MALIM: Bagi meringankan beban membeli barang dapur, suri rumah diajak menanam sayur-sayuran terutama cili di kawasan rumah.

Pembekal benih cili bara iaitu Muhammad Izwan Ismail, 38, dari Kampung Sri Keledang, Slim River berkata, tanaman sayur-sayuran seperti cili padi bara mudah dan secara tidak langsung menjimatkan kos barang dapur.

"Cili ini memang kita gunakan secara kerap untuk masa-

kan seperti nasi goreng, ikan kembung masak pedas dan sambal belacan, jadi sebaiknya kita tanam sahaja di rumah, bila masak, senang petik sahaja," katanya bapa kepada tiga anak di sini, baru-baru ini.

Muhammad Izwan berkata, tanaman secara asas dan bukan ladang ini hanya memerlukan pokok cili mendapat sumber air, baja dan suhu yang secukupnya iaitu panas dan kering.

"Malah, kita boleh menggunakan barang-barang terbuang seperti tong cat, baldi dan botol air untuk dijadikan pasu.


"Sementara itu, baja tidak memerlukan yang mahal cukup

dengan bahan buangan seperti air rebusan betas, serbuk teh atau kopi atau sisa makanan lain," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau menjual anak pokok cili bara itu RM4 setiap satu dan harga cili padi bara adalah sekitar RM20 sekilogram di pasaran.

Dalam pada itu, Muhammad Izwan turut menggalakkan isi rumah menanam pokok dan sayuran lain seperti serai, kangkung, terung, timun, daun kunyit dan daun kari.

"Berkerti dengan tanah ini banyak manfaatnya, cuma kita sahaja mahu atau membenarkan seribu satu alasan," katanya.



MUHAMMAD Izwan Ismail menunjukkan anak pokok cili padi bara yang dijualnya di Kampung Sri Keledang, Slim River, Tanjung Malim.

Cuaca panas berlarutan hingga Ramadan depan

Suhu tertinggi harian dijangka akan mencecah 37 celsius.

Oleh Zulhiaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Fenomena El Nino atau cuaca panas yang melanda ketika ini dijangka berlanjutan sehingga Ramadan ini.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Kedah, Muhammad Khalil Abd Aziz, berkata walaupun ada sesetengah kawasan mengalami hujan baru-baru ini, beliau meramalkan cuaca kering dan panas berterusan sehingga awal April, dengan suhu

tertinggi harian mencecah 37 celsius.

"Corak cuaca adalah disebabkan oleh fasa lewat monsun timur laut, biasanya dicirikan oleh penurunan hujan dan suhu tinggi.

"Monsun timur laut dijangka berakhir pada akhir Mac atau awal April, menandakan fasa peralihan monsun," katanya dihubungi semalam.

Beliau berkata, sehingga 27 Februari ini, ribut petir disertai hujan lebat dan angin kencang boleh berlaku walaupun cuaca panas.

"Ini terutamanya di kawasan pedalaman dan Pantai Barat Semenanjung pada waktu petang dan lewat petang, yang berpotensi berlanjutan ke awal pagi.

Dalam pada itu, musim kering El Nino yang berterusan di negeri


ini berpotensi menjadi episod paling teruk dalam sejarah negara, seperti yang ditunjukkan oleh pakar bencana iklim.

Situasi membimbangkan

Pengarah Institut Pengurusan Bencana Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Chong Khai, berkata berdasarkan analisis cuaca purata suhu harian tahun ini adalah tiga celsius melebihi normal.

Beliau berkata, walaupun masih terlalu awal untuk menentukan sama ada Impact El Nino meningkat berbanding sebelum ini tanpa menentu kesimpulannya, yang biasanya menjangkau enam hingga 18 bulan, purata suhu semasa menunjukkan situasi yang membimbangkan.

Membandingkannya dengan



Kederaan sawah padi yang merekah akibat cuaca panas susulan fenomena El Nino di Alor Setar.

(Foto Ahmad Mukhtarr/BH)

seperti sentiasa berwaspada terhadap amaran MetMalaysia dan menjimatkan air.

"El Nino boleh mengakibatkan suhu lebih tinggi, hujan beraturan dan jerebu rentas sempadan dan jika kebakaran hutan tidak dikawal.

"Terdapat risiko kekurangan air, memberi kesan kepada pertanian dan masyarakat. Memandangkan sekarang ini musim penanaman padi, petani memerlukan bekalan air yang mencukupi untuk pemeliharaan," katanya.

episod El Nino 2016, beliau mengimbias situasi sama di mana Langkawi mengalami 27 hari tanpa hujan, menandakan sebagai satu episod El Nino terburuk dalam sejarah Malaysia.

"Tahun ini, Perlis berlangung selama 29 hari tanpa hujan dan kenaikan suhu global 0.6 darjah Celsius mungkin membawa kepada senario yang lebih buruk untuk El Nino 2024," katanya.

Oleh itu, beliau menekankan kepentingan kesiapsiagaan masyarakat terhadap El Nino,

23/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

Petani resah cuaca panas jejas tanaman, ternakan

Oleh FADZIL ZAINOL
utusannews@mediamall.com.my

KUALA KANGSAR: Cuaca panas berpanjangan mencetuskan kebimbangan kepada Mohamad Helmi Muhammad Rozi, 43, tentang nasib tanamannya yang mula menerima kesan.

Dia yang mengusahakan penanaman cili, timun, terung, labu air dan labu manis kini berdepan peningkatan kos tinggi akibat penggunaan pam elektrik tinggi bagi memastikan tanaman mendapat air secukupnya.

"Pokok memerlukan air yang banyak. Penggunaan tenaga elektrik untuk pam kena lebih masa sekali-gus kos meningkat."

"Untuk tanam pokok banjar memang jadi masalah sebab suhu panas membuatkan anak-anak pokok lemah dan tak mampu bersaing dengan cuaca panas. Berlaku sedikit penurunan hasil," katanya di sini.

Labaran Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) beberapa hari lalu melaporkan daerah ini pada Tabap Satu atau berjaga-jaga, iaitu suhu maksimum harian antara 35 hingga 37 darjah Celsius sekurang-kurangnya selama tiga hari berturut-turut.

Cuaca panas berpanjangan ini dikhawatiri mencipta sekali lagi episod hitam buat diri Mohamad Helmi kerana projek ternakan ikannya pernah musnah dilanda banjir pada 2016.

Dia kemudian mencuba nasib dalam bercucuk-tanam sejak 2018 dan hasilnya dihantar terus ke pasar borong dan kedai-kedai sekitar Marong dan Kuala Kangsar.



SUASANA ladang ternakan lembu dan kerbau di Kampung Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak. - UTUSAN

Seorang lagi petani, Khairul Muhs Mohamed Yusof, 38, berkata, ternakan kambing, lembu dan kerbau yang diusahakannya sedikit terkesan apabila rumput padang ragut terjejas akibat cuaca panas.

"Ya, cuaca panas. Ada ke-kanan, Kuala Kangsar, Perak. - UTUSAN

san sedikit pada rumput ragutan. Menjadi kurang subur, sudah dua minggu," katanya.

Ladang ternakannya yang terletak di Kampung Kota Lama Kanan di sini mempunyai 220 ekor kambing dan biri-biri, 20 ekor kerbau dan 50 ekor lembu.

28/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

Udang 'mabuk' setiap kali perayaan

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrulisa@mediamula.com.my

SEREMBAN: Populariti jeti Pengkalan Kempas, Linggi di sini yang terkenal sebagai lubang udang galah dalam kalangan pemancing berisiko terjejas sekiranya aktiviti menuba di kawasan Sungai Linggi terus berleluasa.

Pengerusi Persatuan Nelayan Telok Kemang, Md. Isa Johar berkata, kejadian udang galah 'mabuk' di beberapa kawasan sepanjang Sungai Linggi seperti di Pengkalan Durian, Permatang Pasir serta Pengkalan Kempas memang disyaki berpunca daripada aktiviti menuba.

Jelasnya, kejadian sedemikian berlaku setiap tahun terutama menjelang musim perayaan.

"Seperti Tahun Baharu Cina, memang permintaan terhadap udang galah adalah tinggi, haranya juga boleh mencecah se-

galah seperti mata yang merah, kami memang syak ia akibat perbuatan menuba. Kami tidak tahu siapa yang bertanggungjawab. Pelaku menuba bukan di kawasan sekitar sini, namun lebih ke hulu seperti di Rantau dan mereka mengambil hasil perbuatan mereka itu di sini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menggiatkan aktiviti pemantauan dan siasatan selepas terdapat peningkatan kejadian udang galah 'mabuk' di Sungai Linggi yang didakwa berpunca daripada aktiviti menuba.

Ketua Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan negeri, Doreen Wee Siew Leen berkata, pihaknya mengambil serius dakwaan berkenaan dan turun padang ke tiga lokasi.



JETI Pengkalan Kempas di Linggi menjadi tumpuan kaki pancing yang mahu menangkap udang galah di Sungai Linggi. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

hingga RM100 bagi setiap kilogram. Penduduk dan nelayan di

sini sudah perhatikan, apabila perayaan sahaja berlaku fenom-

ena udang galah 'mabuk'.

"Berdasarkan keadaan udang



'Tiada buluh, dawai pun berguna'

Nor Mohamad menunjukkan bubu udang yang dihasilkan menggunakan dawai ketika ditemui di kediamannya, Air Kuning, Pasir Salak baru-baru ini.

Nelayan darat terpaksa guna dawai buat bubu udang selepas bekalan buluh sukar diperolehi

PASIR SALAK

Kesukuan mendapatkan buluh membuat nelayan di kawasan ini terpaksa menggunakan dawai untuk membuat gerogoh dawai.

Nor Mohamad Saleh, 64, berkata, kebiasaannya beliau menghasilkan gerogoh yang merupakan alat untuk menangkap udang di kawasan ini. Namun, beliau terpaksa menggunakan dawai kerana buluh sukar diperolehi.

"Saya menggunakan kerpa pembuat gerogoh dan bucu udang. Biasanya, saya menggunakan buluh untuk membuat gerogoh. Namun, kerana buluh sukar diperolehi, saya terpaksa menggunakan dawai," katanya.

Bapa kepada tujuh anak itu berkata, kos membeli dawai bagi menghasilkan bubu udang berseiz kecil dengan ketinggian 1.2 meter ialah RM24 manakala bagi saiz besar sekitar 2.1 meter pula RM40. Beliau berkata, bubu udang berseiz kecil dijual pada harga RM60,

manakala saiz besar dengan harga RM90, berbanding gerogoh yang menggunakan buluh dengan harga RM30 dan saiz besar yang dipanggil bubu baung kira-kira RM60.

Nor Mohamad berkata, beliau mengambil masa dua hari untuk membuat gerogoh dan bucu udang. Beliau berkata, beliau menggunakan tali dan diklat menggunakan tali serta pemasangan yang teliti.

"Walaupun tidak lagi menjual gerogoh, namun masih ramai datang ke sini untuk membeli bubu udang dawai," katanya.

Pada musim udang bermula September hingga Januari lepas sahaja sebanyak 50 unit bubu udang telah terjual," katanya.

Beliau yang memiliki lesen nelayan darat tempatan di kawasan ini, berkata beliau menggunakan bubu udang de-



Nor Mohamad menyiapkan salah satu bubu udang menggunakan dawai ketika ditemui di kediamannya, Air Kuning, Pasir Salak baru-baru ini.

ngan umpan kelapa di Sungai Kinta dan Sungai Perak. Beliau berkata, beliau menggunakan dawai untuk membuat gerogoh dan bucu udang. Beliau berkata, beliau menggunakan dawai kerana buluh sukar diperolehi.

"Walaupun sudah tidak banyak untung seperti dahulu, namun saya masih mahu meneruskan. Saya menjadi nelayan darat ini untuk mencari rezeki.

"Apabila di luar musim udang, saya juga membuat bubu kalabau untuk menangkap ikan ketika musim banjir," katanya.

Kemahiran menghasilkan gerogoh atau pogo tradisional semakin luput dalam masyarakat, apatah lagi bahan-bahan untuk penghasilan alat itu, seperti buluh dan rotan, kini sukar diperolehi. Beliau berharap kerajaan wajar hiasi semula jati diwujudkan atas nama pembangunan.